

30/10/2003

Terima kasih PM, jasamu sentiasa dikenang: Pelajar

Tamrin Anuar

PERSARAAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mulai esok, menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan remaja, khususnya pelajar sekolah

menengah. Setelah 22 tahun menjadi Perdana Menteri, banyak peristiwa penting yang berlaku di negara ini.

Selain itu, idea dan sumbangan yang dicurahkan Perdana Menteri turut dinikmati bukan saja rakyat negara ini tetapi umat di seluruh dunia, khususnya di negara membangun.

Antara sentuhan popular Perdana Menteri ialah semangat 'Malaysia Boleh'

yang digunakan untuk memberi motivasi kepada rakyat untuk berjaya, dan kini menjadi sumber inspirasi yang sukar dilupakan.

Sebagai mengenang jasa Perdana Menteri yang dikasihi rakyat, pelbagai sambutan dilakukan dalam masa terdekat ini sebagai tanda kasih di atas sumbangan beliau yang dilakukan.

Misalnya, ada yang membuat kad ucapan, menulis puisi dan melukis potret Perdana Menteri.

Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Andalas, Klang, Selangor, Mohd Faizal Anuar, persaraan Datuk Seri Dr Mahathir adalah kehilangan besar kepada semua rakyat negara ini.

"Sebagai pelajar, kami mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana berjaya meletakkan Malaysia antara negara disegani di persada dunia.

"Kami berjanji akan belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya dalam pelajaran dan menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

Pelajar SMK Pulau Ketam, Klang, Selangor, Chew Poh Poh, berkata walaupun

sedih dengan pengunduran pemimpin yang sangat disayangi, Datuk Seri Dr Mahathir mampu memberi semangat kepada kita supaya terus meningkatkan kecemerlangan yang dinikmati sekarang.

"Kita hanya berdoa agar Perdana Menteri dapat berehat bersama keluarga, terutama selepas lebih 20 tahun berkhidmat untuk negara," katanya.

Bagi Noor Asyikin Mohd Zain, SM Convent, Klang, berkata, sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kita kepada Datuk Seri Dr Mahathir, kita perlu buktikan bahawa keyakinan yang diterapkan oleh beliau menjadi dorongan untuk kita memajukan negara ini, memastikan keselamatan dan kestabilan negara terus terpelihara.

"Saya bangga mempunyai seorang Perdana Menteri seperti Datuk Seri Dr Mahathir kerana beliau berjaya membawa taraf hidup kebanyakan rakyat ke satu tahap yang membanggakan," katanya.

Sementara itu, Azreen Azriena Mohd Yusof, Sekolah Agama Menengah Al-Wosto, Temerloh, Pahang, keputusan Perdana Menteri supaya Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris kerana ingin rakyat Malaysia maju dan mampu bersaing di peringkat global.

Azreen Azriena berkata, Perdana Menteri seorang pemimpin yang proaktif

bukan saja menyumbang idea tetapi juga merealisasikan.

"Saya akan cuba mendalami dan memahami pemikiran Perdana Menteri sebagai panduan untuk mencapai kejayaan dalam hidup setanding dengan bangsa maju di dunia.

"Dr Mahathir dianggap paling istimewa dalam sejarah kepemimpinan negara, apatah lagi, ramai belia hari ini tidak menyedari ketokohan Dr Mahathirlah yang membawa Malaysia sebagai negara yang pesat membangun," katanya.

Bagi S Ravi Varman, dari SM Tengku Idris Shah, Kapar, Selangor, Datuk Seri Dr Mahathir berjaya mengukir nama di mata dunia hasil kepemimpinannya selama 22 tahun.

"Saya akan menghantar kad ucapan sebagai penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir bahawa kemajuan yang dinikmati hari ini adalah ha-sil ideanya," katanya.